

Keliling kampus UM, siapkan tugas

Harian Metro 17 Sep 2018



PESERTA ceria bergambar dengan maskot.

Setiap kumpulan persembahkan nyanyian lagu patriotik

Katanya, bagi acara itu peserta perlu menamatkan aktiviti berjalan kaki mengelilingi kampus UM sebelum bergerak ke beberapa 'stesen' aktiviti bagi menyiapkan tugas yang disediakan.

"Menariknya, selain aktiviti berjalan, setiap kumpulan juga diminta mempersembahkan nyanyian lagu patriotik.

"Secara tidak langsung, aktiviti ini membantu pencapaian objektif program yang ingin menanam sifat menghargai kemerdekaan," katanya.

Sementara itu di Sabah pula, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent menganjurkan Pertandingan Mewarna-Kreativiti Kanak-kanak.

Terdapat pelbagai aktiviti menarik berlangsung antaranya Pertunjukan Pakaian Beragam Kemerdekaan, Pertandingan Mewarna-Kreativiti Kanak-Kanak, Ciptaan Kreatif Merdeka Kitar Semula dan nyanyian kemerdekaan kanak-kanak.

Penganjuran ini mendapat kerjasama Pusat Komuniti dan Lestari Universiti Malaya (UMCares) menerusi pelaksanaan Modul Tuninipot Literasi Kreatif Kanak-Kanak Orang Ajusteru.

Aktiviti itu, bertujuan menyuntik semangat sayangi Malaysia dalam kalangan kanak-kanak dan seterusnya menghayati erti kemerdekaan

Malaysia.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan UM Dr Mohd Nazri

Abdul Rahman, selain menyemarakkan semangat patriotisme kepada si cilik, program itu dapat mengangkat nilai dan tradisi masyarakat Orang Asal sebagai jati diri kanak-kanak yang perlu dipertahankan.

- Fazurawati Che Lah